

Dr. M mahu wujudkan Kerajaan bersih dan cekap

"Dr. Mahathir's drive for a clean, efficient government. The Mercedes may have to go..." (Maksud: Dr. Mahathir mahu wujudkan Kerajaan bersih dan cekap Mercedes mungkin akan pergi...), kata sebuah kepala besar di muka hadapan New Straits Times hari ini, Julai 22, 1981. Berita berikutan melaporkan punca-punca yang rapat dengan Kabinet sebagai berkata bahawa Perdana Menteri Malaysia yang baru tidak akan bertolak ansur dalam usahanya untuk mewujudkan Kerajaan yang bersih dan cekap.

Beberapa kawasan, dalam konteks perbelanjaan duit Kerajaan, mungkin akan dikaji semula dengan tujuan menjamin supaya perbelanjaan di setiap peringkat (termasuk Negeri, agaknya) akan dilakukan secara berkesan, yakni, tidak membazir. Di peringkat permulaan ada kemungkinan kajian akan dibuat terhadap "model" dan saiz motokar-motokar rasmi yang diguna oleh Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik. Satu langkah simbolik.

Mercedes 380 yang berharga \$100,000 mungkin dianggap keterlaluan (excessive) bagi seseorang Menteri. Mercedes 280SE mungkin dianggap memadai.

Setiausaha Politik pula, yang berhak mengguna Mercedes 200 mengikut skim gaji baru tahun lalu, mungkin akan dibenarkan mengguna Volvo sebagai ganti kepada Mercedes (Mini-komen: Jika selaku orang perantaraan di antara Menteri dengan rakyat udah mengguna Mercedes, apakah pula kenderaan yang mereka akan gunakan bila menjadi Wakil Rakyat merangkap Menteri nanti — Porsche ataupun Ferrarif)

Pentadbiran baru adalah dijangka tidak akan memblurkan "hanky-panky" (yakni, permainan "silap-mata" dalam konteks tidak sihat: tiup duit dan tiup sana, raba sini, raba sana, tiba-tiba poket udu buncit...) dari apa jua jenis dan rupa.

Biro Siaran Negara (BSN) mungkin diperkuatkan lagi. Media massa adalah dijangka akan memainkan peranan aktif dalam konteks aliran maklumat yang bebas ("free flow of information"). Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Pentadbiran baru ini akan "terbuka" kepada rakyat. (Nota: "Terbuka" di sini, agaknya, ialah "accessible to the public", iaitu konteks rakyat adalah digalakkan "men-adu" ke atas, jika sesuatu penyewangan atau ketidakadilan dilakukan oleh pemimpin atau pegawai bawahan, dan yang jua mungkin membawa pengertian bahawa mulut rakyat merangkap pengundi tidak akan "ditutup" atau "dikunci" jika dan bila mereka menghadapi kemusykilan atau ketidakpuasan hati terhadap cara atau "style" dasar atau janji Kerajaan dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin atau pegawai-pegawai bawahan.)

Jentera Kerajaan tentu sekali akan di "streamline" kan, iaitu diarahkan bagaimana Datuk Seri Dr. Mahathir berulang kali memperkatakan bahawa tidak ada tempat untuk Kerajaan bagi "deadwood" (kayu mati) dan "passengers", yakni penumpang. Dengan itu, ada kemungkinan bahawa penggunaan "red tape" akan dikurangkan ke peringkat minima.

Komen Penulis:

Penulis percaya rakyat merangkap pengundi yang berjiwa sihat tentu sekali akan mengalu-alukan langkah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir untuk mewujudkan Kerajaan yang benar-benar bersih dan cekap — langkah yang sejajar dengan slogan Pilihanraya Parti yang berkeadilan dan yang telah pun dimulakan dengan berkesan oleh bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn.

Di halaman ini semalam, penulis mengisahkan bagaimana "6 benda

baik" di negeri China telah dirosakkan oleh "3 benda tidak baik", di antaranya ialah pegawai-pegawai Parti yang "chinchai" dan tidak bertanggung-jawab... Dengan itu jikalau sebagai misal, Kerajaan kita yang diketuai oleh Datuk Seri Dr. Mahathir mula berpendirian "chinchai" terhadap pegawai-pegawai Kerajaan (dan ahli-ahli Pentadbiran) yang "tidak bersih" ataupun yang tidak cekap, maka ada kemungkinan bahawa "1001 good things" (bukan setakat "6 benda baik" sahaja) yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan berjiwa rakyat untuk faedah rakyat akan terjejas oleh "one bad thing" yakni, "3 benda tidak baik", iaitu pegawai-pegawai awam (dan ahli-ahli Pentadbiran) yang korap dan tidak cekap.



Ekor Buangan:

Akhbar-akhbar di Seoul Isnin lalu melaporkan bahawa pegawai-pegawai awam di Korea Selatan akan dinilai dan di "grade" atau sekali atau dua kali setahun dengan berdasarkan kepada kejujuran (Integrity) mereka — termasuklah sekali peringkat ketamakan (degree of greediness), hubungan peribadi mereka dengan orang ramai dan kehidupan keluarga mereka.

Laporan-laporan berkenaan, yang tidak pula menyebut punca, menambak bahawa arahan mengenai kejujuran pegawai-pegawai awam telah pun disampaikan kepada kementerian-kementerian mengikut peruntukan baru, seperti terkandung dalam Undang-undang Perkhidmatan Awam yang baru disusun semula.

Undang-undang berkenaan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menilai kejujuran kaji-tangannya dan mengambil kira hasil penilaian ini bila mempertimbangkan kenaikan pangkat atau pertukaran mereka.

Kejujuran pegawai-pegawai awam akan dibahagikan kepada empat kategori: a, b, c dan d, iaitu sekali bagi pegawai dari peringkat empat ke atas dan dua kali setahun bagi pegawai-pegawai berpangkat rendah. Di ketika penilaian tersebut dibuat, perkara-perkara seperti "style" hidup yang boros, masalah kewangan yang rumit, rasuah, "penjualan" kuasa dan perangan suka bala dendam jua akan diambil kira. Selain dari itu, masalah keluarga seperti, umpamanya, hubungan sex yang tidak sihat akan jua dipertimbangkan. (Dipetik dari sebuah akhbar luar negeri Julai 14, 1981 di bawah kepala "Integrity rating for Korean officials").

Catitan Khas:

Wah! Begitu menyeluruh sekali, nampaknya, laporan sulit pegawai awam di Korea Selatan — kandungannya tidaklah, umpamanya, terhadap cuma kepada maklumat seperti datang "punctual" ke pejabat dan pandal berlembut dan pandal berkeras mengikut keadaan...

Dihidangkan dengan tujuan memperluaskan pengetahuan am para pembaca yang dihormati, khususnya pihak yang berkuasa dan bertanggung-jawab dalam hal-hal menaikan pangkat (dan gaji) dan mesukarkan pegawai-pegawai awam di negara ini.

NOTA: Ada satu maklumat penting yang nampaknya terlepas dari laporan sulit pegawai awam di Korea Selatan seperti dikisahkan tadi — maklumat yang jua ada kaitan secara tidak langsung dengan kejujuran yakni "Integrity". Maklumat yang penulis maksudkan itu ialah, sama ada seseorang pegawai (kanan) berani dan berkebolehan sekali-sekala mengeluarkan pendapat yang membina dan berfaedah kepada masyarakat, bila ditanya oleh Menteri, ataupun cuma pandal dan cekap mengangguk-anggukkan kepala ala burung belatuk sambil melafatkan kalimat: "Saya bersetuju, saya amat bersetuju dan menyokong kuat pendapat Yang Berhormat itu" — setiap kali pandangannya dikehendaki oleh Pak Menteri...

